

**D.R. 1/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan am**

**2.** Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan mengantikan perkataan “money-changing business” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “currency exchange business”.

**Pindaan seksyen 1**

3. Subseksyen 1(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana peniaga yang diberi kuasa” dengan perkataan “suatu bank berlesen”.

**Pindaan seksyen 2**

4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif “bank berlesen” dengan takrif yang berikut:

‘“bank berlesen” ertinya—

(a) suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758]; atau

(b) suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “mata wang asing” takrif yang berikut:

‘“memudahkan pemindahan dana” termasuklah mana-mana satu atau lebih daripada perbuatan yang berikut:

(a) menawarkan perkhidmatan untuk memindahkan dana;

(b) menyetuju terima atau menerima dana;

(c) mengangkut dana;

(d) mengatur pemindahan dana;

(e) mengeluarkan resit untuk pemindahan dana;

(f) menggunakan sistem untuk memindahkan dana;

(g) membenarkan suatu akaun digunakan untuk pemindahan atau penerimaan dana; atau

- (h) melibatkan diri dalam apa-apa bentuk aktiviti penyelesaian, termasuk penyelesaian bersih, tolakan dan penyerahan hutang, berikutan daripada pemindahan dana;’;
- (c) dalam takrif “pemegangan syer substansial” dan “pemegang syer substantial” dengan menggantikan perkataan “seksyen 69D Akta Syarikat 1965 [Akta 125]” dengan perkataan “seksyen 136 Akta Syarikat 2016 [Akta 777]”;
- (d) dalam takrif “pengarah”, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “seksyen 4 Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “seksyen 3 Akta Syarikat 2016”;
- (e) dengan memotong takrif “peniaga yang diberi kuasa”:
- (f) dalam takrif “perniagaan mata wang borong”, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “seseorang peniaga yang diberi kuasa” dengan perkataan “suatu bank berlesen”;
- (g) dengan menggantikan takrif “perniagaan pengiriman wang” dengan takrif yang berikut:
  - ‘ “perniagaan pengiriman wang” ertinya—
    - (a) perniagaan memindahkan dana; atau
    - (b) perniagaan memudahkan pemindahan dana, sama ada dalam apa-apa bentuk atau melalui apa-apa cara atau sama ada terdapat apa-apa perpindahan dana atau tidak, bagi pihak seseorang pengirim asal di dalam atau di luar Malaysia kepada seseorang benefisiari di dalam atau di luar Malaysia, dan pengirim asal dan benefisiari itu boleh orang yang sama, tetapi tidak termasuk apa-apa perniagaan, aktiviti, sistem atau perkiraan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;’; dan
- (h) dalam takrif “syarikat”, dengan menggantikan perkataan “seksyen 4 Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “subseksyen 2(1) Akta Syarikat 2016”.

**Pindaan seksyen 4**

**5.** Subseksyen 4(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya” dengan perkataan “apabila disabitkan, hendaklah dihukum dengan pemerintahan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima juta ringgit.”.

**Pindaan seksyen 12**

**6.** Subseksyen 12(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

- “(a) pemegang lesen itu, ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana pemegang syerinya, pengawalnya, pengarahnya, atau pengurusnya, telah disabitkan atas—
- (i) suatu kesalahan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372], Akta Bank Islam 1983 [Akta 276], Akta Insurans 1996 [Akta 553], Akta Takaful 1984 [Akta 312], Akta Kawalan Pertukaran 1953 [Akta 17], Akta Sistem Pembayaran 2003 [Akta 627], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Mata Wang 2020 [Akta 827] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditadbirkan oleh Bank;
  - (ii) suatu kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan, rasuah atau kesalahan lain yang seumpamanya;”.

### **Pindaan seksyen 23**

7. Subseksyen 23(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “, sesuatu persatuan pekerja pemegang lesen bagi perniagaan perkhidmatan wang dan seseorang peniaga yang diberi kuasa” dengan perkataan “dan sesuatu persatuan pekerja pemegang lesen bagi perniagaan perkhidmatan wang”.

### **Pindaan seksyen 66**

8. Subseksyen 66(6) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “oleh” dengan perkataan “kepada”.

### **Seksyen baharu 66A**

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66 seksyen yang berikut:

**“Pelucuthakan apabila ada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan**

**66A.** (1) Semua harta yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi melucuthakkan atau melepaskan apa-apa harta yang disita di bawah Akta ini boleh dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan bagi sesuatu kesalahan telah dijalankan dan suatu perintah bagi melucuthakkan harta itu boleh dibuat jika—

(a) kesalahan itu dibuktikan terhadap tertuduh; dan

(b) dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa harta itu adalah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu.

(3) Mahkamah yang membuat perintah di bawah subseksyen (2) boleh—

(a) mengarahkan sama ada perintah itu berkuat kuasa dengan serta merta atau pada mana-mana tarikh yang akan datang;

- (b) mengarahkan sama ada pelucuthakan harta itu adalah secara keseluruhan atau sebahagian;
  - (c) mengarahkan cara yang melaluinya harta yang dilucuthakkan itu hendaklah dilupuskan atau diuruskan; dan
  - (d) memasukkan dalam perintah itu semua arahan lain yang perlu dan syarat-syarat yang mahkamah fikirkan patut.
- (4) Semua harta yang dilucuthakkan di bawah seksyen ini hendaklah terletak hak pada Kerajaan Malaysia.”.

### **Pindaan seksyen 86**

**10.** Seksyen 86 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

- “(3) Bagi maksud perenggan (1)(c)—
- (a) “komplot jenayah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 120A Kanun Keseksaan; dan
  - (b) “subahat” mempunyai erti yang sama diberikan kepadanya dalam seksyen 107 Kanun Keseksaan.

### *MISALAN*

- (a) *A*, seorang majikan, yang mengetahui bahawa *B* bukan seorang pemegang lesen di bawah Akta ini menjemput *B* untuk memberikan perkhidmatan perniagaan pengiriman wang kepada pekerja-pekerja *A*. *A* bersubahat melakukan suatu kesalahan yang dilakukan oleh *B* untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang tanpa lesen di bawah Akta ini.
- (b) *A*, seorang pembekal sistem pengiriman wang, yang mengetahui bahawa *B* bukan seorang pemegang lesen di bawah Akta ini, terus membekalkan kepada *B* sistem atau aplikasi yang menyokong aktiviti perniagaan pengiriman wang *B*. *A* bersubahat melakukan suatu kesalahan yang dilakukan oleh *B* untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang tanpa lesen di bawah Akta ini.

- (c) A, seorang tuan tanah, yang mengetahui bahawa B bukan seorang pemegang lesen di bawah Akta ini, terus menyewakan premis kepada B walaupun A telah dimaklumkan oleh Bank bahawa B menjalankan perniagaan pengurusan wang tanpa lesen. A bersubahat melakukan suatu kesalahan yang dilakukan oleh B untuk menjalankan perniagaan pengurusan wang tanpa lesen di bawah Akta ini.”.

### **Seksyen baharu 89A**

**11.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 89 seksyen yang berikut:

#### **“Kebolehterimaan keterangan**

**89A.** Walau apa pun yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa dokumen, komputer atau keterangan lain yang didapatkan oleh Bank, pemeriksa atau pegawai penyiasat menurut Akta ini yang relevan dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini hendaklah diterima dalam prosiding itu.”.

### **Penggantian seksyen 92**

**12.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 92 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Akta hendaklah dibaca bersama dengan Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013**

**92.** (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan peruntukan Akta ini adalah tambahan kepada, dan bukan menjelaskan, peruntukan Penggal-Penggal itu.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara peruntukan Akta ini dengan Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Penggal 2 Bahagian XIV Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Penggal 2 Bahagian XV Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 hendaklah dipakai.”.

## **Pindaan Jadual**

**13.** Jadual kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perenggan 2, 3, 4, 11, 12, 20, 22, 34 dan 35; dan
- (b) dengan menggantikan perenggan 18 dengan perenggan yang berikut:  
“18. perenggan 30(10)(b);”.

## **Kecualian**

**14.** (1) Apa-apa tindakan, penyiasatan atau prosiding bagi apa-apa kemungkiran atau kesalahan di bawah Akta ibu yang dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh kuat kuasa Akta ini, dijalankan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa sebutan mengenai “money-changing business” dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau dalam mana-mana lesen yang diberikan atau dokumen atau instrumen lain yang dikeluarkan oleh Bank di bawah Akta ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “currency exchange business”.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (“Akta 731”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan, antara lain, kebolehteraiman keterangan dalam prosiding perbicaraan bagi kesalahan yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada mahkamah yang dihadapannya pendakwaan telah dijalankan untuk membuat perintah pelucutahan bagi apa-apa harta yang disita di bawah Akta 731.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am kepada Akta 731 dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “money-changing business” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “currency exchange business”. Pindaan ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan orang awam mengenai terma “money-changing business” dengan “money-lending business”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 1(3) Akta 731 untuk mengadakan peruntukan bagi ketidakpakaian Akta 731 bagi sesuatu bank berlesen. Pindaan ini adalah selaras dengan pemansuhan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang tidak lagi menggunakan istilah “peniaga yang diberi kuasa”.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 731.

*Subfasal 4(a)* bertujuan untuk menggantikan takrif “bank berlesen” selaras dengan takrif bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan takrif bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

*Subfasal 4(b)* bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “memudahkan pemindahan dana”.

*Subfasal 4(c)* bertujuan untuk meminda takrif “pemegangan syer substansial” dan “pemegang syer substansial” untuk mengemaskinikan sebutan mengenai Akta Syarikat 2016.

*Subfasal 4(d)* bertujuan untuk meminda takrif “pengarah”, dalam perenggan (a) untuk mengemaskinikan sebutan mengenai Akta Syarikat 2016.

*Subfasal 4(e)* bertujuan untuk memotong takrif “peniaga yang diberi kuasa” untuk diselaraskan dengan pemansuhan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang tidak lagi menggunakan istilah “peniaga yang diberi kuasa”.

*Subfasal 4(f)* bertujuan untuk menggantikan perkataan “seseorang peniaga yang diberi kuasa” dalam takrif “perniagaan mata wang borong”, dalam perenggan (a) dengan perkataan “suatu bank berlesen” selaras dengan pemansuhan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang tidak lagi menggunakan istilah “peniaga yang diberi kuasa”.

*Subfasal 4(g)* bertujuan untuk menggantikan takrif “perniagaan pengiriman wang” untuk memudahkan pendakwaan bagi kesalahan menjalankan perniagaan pengiriman wang tanpa lesen dengan menstrukturkan semula takrif sedia ada dan memotong perkataan “dengan tujuan untuk menjadikan dana itu tersedia bagi seorang benefisiari di dalam atau di luar Malaysia” bagi menunjukkan penglibatan langsung tertuduh dalam menyediakan dana kepada benefisiari.

*Subfasal 4(h)* bertujuan untuk meminda takrif “syarikat” untuk mengemaskinikan sebutan mengenai Akta Syarikat 2016.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 4(4) Akta 731 untuk mengenakan hukuman pemerjaraan mandatori dan denda minimum sebanyak lima puluh ribu ringgit bagi kesalahan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk menggantikan perenggan 12(1)(a) Akta 731 yang berbangkit daripada sebutan mengenai beberapa Akta baharu dan Akta yang telah digubal semula.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 23(2) Akta 731 dengan memotong sebutan mengenai “peniaga yang diberi kuasa” untuk diselaraskan dengan pindaan kepada subseksyen 1(3) Akta 731.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk menggantikan perkataan “oleh” dalam subseksyen 66(6) teks bahasa kebangsaan Akta 731 dengan perkataan “kepada” untuk menjadikan peruntukan itu selaras dengan teks bahasa Inggeris.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 66A ke dalam Akta 731 untuk memberikan kuasa kepada mahkamah yang di hadapannya pendakwaan telah dijalankan untuk membuat perintah pelucutahan apa-apa harta yang disita di bawah Akta 731.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan subseksyen (3) ke dalam seksyen 86 Akta 731 untuk menjelaskan maksud bagi perenggan 1(c) dan untuk mengadakan peruntukan bagi misalan bagi kesalahan yang berhubungan dengan komplot jenayah dan subahat dalam penyediaan perkhidmatan wang tidak berlesen.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 89A ke dalam Akta 731 untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehenerimaan keterangan yang didapatkan oleh Bank, pemeriksa atau pegawai penyiasat di bawah Akta 731 dalam apa-apa prosiding mahkamah.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 92 Akta 731 untuk menggantikan sebutan mengenai Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang telah dimansuhkan dengan peruntukan undang-undang kawalan pertukaran wang yang digubal semula dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda Jadual kepada Akta 731 untuk membolehkan Bank untuk mengambil tindakan pentadbiran ke atas pelanggaran beberapa peruntukan dalam Akta 731.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

16. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.